

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
(SEKIJANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.05.2016

Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [SEKIJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah serta bentuk tindakan undang-undang yang telah dijalankan oleh Bank Negara Malaysia terhadap perniagaan perkhidmatan wang (MSB) yang beroperasi secara haram dan tidak sah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (APPW), pelaksanaan aktiviti perniagaan perkhidmatan wang (terdiri daripada perniagaan pengurusan wang, pengiriman wang dan mata wang borong) tidak berlesen merupakan suatu kesalahan, dan jika disabitkan kesalahan

boleh didenda sehingga lima juta ringgit atau dipenjarakan sehingga 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Di samping itu, kesalahan di atas juga boleh disiasat di bawah seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA) sebagai salah satu kesalahan berat pengubahan wang haram seperti yang disenaraikan di bawah Jadual Kedua AMLA. Jika disabitkan kesalahan, pesalah boleh dikenakan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan dilakukan atau lima juta ringgit, yang mana lebih tinggi dan juga boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 15 tahun.

Setakat ini, pelbagai tindakan penguatkuasaan telah diambil di bawah APPW ke atas pengendali perniagaan perkhidmatan wang haram dan tidak sah. Ini termasuk tindakan penguatkuasaan jenayah di mana 44 entiti dan individu telah disabitkan kesalahan, manakala 152 pendakwaan masih dalam peringkat perbicaraan terhadap 16 entiti dan individu. Pada masa yang sama, terdapat 31 kes yang masih dalam penyiasatan oleh Bank Negara Malaysia. Pihak bank juga telah mengeluarkan 9 perintah mahkamah sivil untuk menghentikan aktiviti haram terhadap entiti dan / atau individu yang menjalankan perniagaan perkhidmatan wang tanpa lesen.

Pihak bank juga telah meningkatkan aktiviti pengawasan

(*surveillance*) bagi mengenalpasti pengendali yang tidak berlesen, supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil terhadap mereka. Usaha berterusan juga diambil dalam melaksanakan program kesedaran (*awareness program*) untuk orang awam mengenai penggunaan saluran yang sah.